

UMAT ISLAM DISERU WASPADA 2 GOLONGAN

BACHOK, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam di negara ini berwaspada terhadap dua golongan dalam masyarakat Islam yang boleh membahaya dan memecahbelahkan perpaduan umat Islam di negara ini.

Menurutnya, kumpulan pertama ialah pembawa ajaran agama yang sesat dan yang kedua ialah golongan ahli politik yang sengaja memeralatkan isu-isu agama Islam untuk kepentingan memancing undi semata-mata untuk menjadi Wakil Rakyat.

Katanya kumpulan pembawa ajaran sesat itu bergerak mempengaruhi umat Islam yang kurang mendalam pengetahuannya dalam ajaran seperti kumpulan Crypto dan kumpulan yang menyerang Balai Polis Batu Pahat tidak lama dulu.

Dengan tegas, Perdana Menteri menyelar golongan kedua yang sanggup menyelewengkan isu-isu agama Islam semata-mata untuk kepentingan politik tanpa mengirakan tindakan seumpama itu boleh memecahkan perpaduan umat Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir bercakap dengan panjang lebar mengenai golongan berkenaan yang secara langsung ditujunya pada PAS semasa merasmikan masjid Badak Repek, dekat sini lewat petang ini dihadiri oleh lebih 10,000 rakyat.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Asmah, Men-



● **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** (tengah) diperkenalkan kepada pemimpin-pemimpin BN Kelantan dan orang kenamaan negeri oleh Menteri Besar,

teri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir.

Perdana Menteri disambut oleh 3,000 penunggang motosikal.

Menurut Perdana Menteri, perbuatan ini dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS kerana hendak jadi Wakil Rakyat dan ahli-ahli biasa di kampung hanya mengikutnya kerana mereka menyangka itu semua adalah benar.

Katanya, golongan parti politik tersebut begitu tertarik untuk menjadi Wakil Rakyat kerana ia tidak memerlukan kelulusan dan ganjaran lain yang diterima seperti elaun \$3,000 sebulan dan pencen dan sebagainya.

Tegasnya, untuk membolehkan mereka dipilih orang rakyat, golongan ini sanggup menimbulkan

Datuk Haji Mohamad Yaakob (di sebelah kanan Perdana Menteri) setibanya di Lapangan Terbang Pengkalang Chepa, Kota Bharu semalam. — Gambar BH oleh LEE HON YEW.

berbagai perkara termasuk memeralatkan agama Islam.

Katanya, di kalangan orang Islam, pegangan yang terkuat sekali ialah kepada agama. "Agamalah yang utama dalam kehidupan kita. Kita tidak fikir lah asalkan agama kita terpelihara, itulah yang kita utamakan."

Kedadaan ini, jelasnya membuat golongan politik berkenaan menanggung di air keruh sehingga perkara yang ditimbulkan itu tidak ada kena mengena dengan rakyat, semata-mata untuk mendapatkan pengaruh supaya dipilih sebagai Wakil Rakyat.

"Jadi apabila orang yang terlalu berminat menjadi Wakil Rakyat memikirkan satu cara mempengaruhi rakyat, mereka cubalah dengan agama Islam sebagai alat untuk memancing undi," tambah Datuk Seri Dr Mahathir.